

ثیقون قیته

PETIKAN TITAH
“PADA zaman kita ini, amal kebajikan dan maksiat itu bercampur-aduk. Ia dilakukan tanpa mengira peringkat umur, sama ada tua atau muda dan malah juga kanak-kanak belasan tahun. Ini amatlah merisaukan, bukan saja dari segi akhirat, malah juga dari sudut keduniaan.”

- Titah Sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1428 Hijrah / 2007 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 27 Rejab 1428 / 11 Ogos 2007.



مانیس ایمان

MANISNYA IMAN
“SESUNGGUHNYA orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka dan mereka pula akan masuk ke dalam Neraka yang menyala-nyala.”
- Surah AnNaas ayat 10.

TAHUN 57 / BILANGAN 73

18 JUN 2012 / 1433 28 رب

EDISI ISNIN / PERCUMA

Kebawah DYMM menyeru umat Islam menyayangi sembahyang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan hadiah kepada penerima Anugerah Imam Cemerlang, Imam Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien Kampung Katimahar, Awang Haji Hassan bin Haji Taha. - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman, Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru umat Islam supaya menyayangi sembahyang dan jangan ia dicuaikan kerana mencuaikan sembahyang bermakna menolak rahmat, sedang rahmat itu amatlah mahalnya sehingga tiada sebarang angka yang dapat menganggarkannya.

Ke muka 24

Utus takziah atas kemangkatan Putera Mahkota Arab Saudi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan takziah kepada Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Saudi Arabia berikut dengan kemangkatan Yang Teramat Mulia, Putera Mahkota Arab Saudi, Prince Nayef bin Abdulaziz Al-Saud, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Dalam titah perutusan takziah tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta dengan ahli kerabat baginda telah menyampaikan ucapan takziah yang amat mendalam kepada Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah DYMM Raja Abdullah bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Saudi Arabia dan kepada semua ahli kerabat diraja Arab Saudi.

Pada mengakhiri perutusan takziah tersebut, Kebawah DYMM berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alaa semoga roh Al-Marhum ditempatkan bersama golongan orang-orang yang beriman.

Tidak lapok hingga Hari Kiamat

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Jun. - Ibadat sembahyang tidak lapok dalam peranannya kerana jika lebih 1,400 tahun yang lampau ia dikatakan sebagai pencegah perbuatan keji dan mungkar, maka sampai kinipun, sehingga Hari Kiamat, ia akan tetap berfungsi sedemikian malah peranan itu terus kekal, selaras dengan keperluan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian dalam Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi tahun 1433 Hijrah di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Berakas , di sini.

Baginda bertitah, fenomena di sepanjang zaman menambahkan lagi keperluan itu.

Titah baginda, lihat sajalah kepada krisis-krisis moral di mana-mana, seperti saja dunia ini sudah tidak mempunyai ruang lagi untuk kemuliaan dan keluhuran bertapak, selain ianya sedang dicemari oleh kekejadian dan kemungkarann belaka.

Maka di dalam keadaan atau kedudukan seperti ini tegas titah baginda tidakkah ibadat sembahyang itu lebih-lebih lagi diperlukan untuk mengubati penyakit keji dan mungkar tersebut dan umat Islam yang sembahyang adalah penyumbang utama untuk itu.

Ke muka 24

DI DALAM



Muka 3

PESERTA APT-JSO
terima hadiah dan sijil



Muka 5

JAWATANKUASA
Kebangsaan Kawalan
Tembakau adakan mesyuarat



Muka 6

PELATIH PKBN diraikan di
Majlis Khatam Al-Qur'an

Serius dengan kehidupan beragama, bernegara dan berkeluarga

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil'alameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee
Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dapat hadir bagi memperingati serta membesarkan peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Peristiwa Israk dan Mikraj, diketahui melalui Al-Qur'an dan Al-Hadits. Ia adalah mukjizat, di antara mukjizat-mukjizat besar Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di antara agenda paling penting dalam peristiwa ini ialah, pensyariatan sembahyang lima waktu kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ia diterima secara langsung oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Allah Subhanahu Wata'ala sendiri, iaitu suatu isyarat jelas, bahawa ibadat sembahyang itu adalah ibadat paling utama di sisi Allah.

Ia bukan saja jadi jaminan untuk memperolehi keberuntungan di akhirat, malahan juga sebagai alat bagi menghias kehidupan dengan akhlak yang baik lagi terpuji, lawan kepada keji dan mungkar, sebagaimana terungkap dalam ayat 45 Surah Al-'Ankabut, tafsirnya "Baca dan ikutlah (wahai Muhammad) apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Qu'r'an dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar."

Ibadat sembahyang tidaklah lapok dalam peranannya. Jika 1,400 tahun lebih yang lampau, ia dikatakan sebagai pencegah perbuatan keji dan mungkar, maka sampai kinipun, sehingga Hari Kiamat, ia akan tetap berfungsi demikian itu juga. Peranan itu terus kekal, selaras dengan keperluan.

Fenomena di sepanjang zaman menambahkan lagi keperluan itu. Lihat sajalah kepada krisis-krisis moral di mana-mana, seperti saja dunia ini sudah tidak mempunyai ruang lagi untuk kemuliaan dan keluhuran bertapak, selain ianya sedang dicemari oleh kekejadian dan kemungkaran belaka.

Maka di dalam keadaan atau kedudukan seperti ini, tidakkah ibadat sembahyang itu lebih-lebih lagi diperlukan untuk mengubati penyakit keji dan mungkar tersebut? Dan umat Islam yang sembahyang adalah penyumbang utama untuk itu,

Bayangkan, umat Islam yang berjumlah 2.1 bilion sekarang, jika mereka itu benar-benar melaksanakan ibadat ini dengan konsisten, tidaklah diragukan lagi, mereka adalah penyumbang kebajikan yang tidak ada taranya kepada dunia, kerana bukankah dengan berlakunya sembahyang orang Islam itu, kekejadian dan kemungkaran dengan sendirinya akan turut tercegah dan menipis, berdasarkan isyarat daripada Allah di dalam firman-Nya di atas tadi.

Ertinya, kesan dari sembahyang orang-orang Islam itu, adalah mampu untuk turut mengundang kekejadian dan kemungkaran daripada merebak dan bermaharajalela di dunia.

Agama Islam tidak syak lagi, adalah kaedah yang terbaik dengan ibadat sembahyang pula adalah sebagai terapinya.

Kehebatan dan kebenaran ibadat ini sebagai

pencegah mungkar, telah terungkap dalam sebuah riwayat hadis : Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah didatangi oleh seseorang dan orang itu berkata : "Wahai Rasulullah, sifulan sembahyang pada sepanjang malam, tetapi di siang hari dia mencuri."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "Sembahyangnya akan mencegahnya (dari perbuatan mungkar itu)." - Hadis riwayat Ahmad dan Al-Bazzar.

Dari maksud hadis ini, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tetap menekankan bahawa hanya sembahyang jua yang mampu untuk menjadi ubat, dalam makna yang tersirat, si pencuri ini mestilah terus sembahyang, sambil membaiki dan menyempurnakan lagi sembahyangnya itu, insya-Allah kemungkaran akan lungsur dari dirinya.

Oleh itu, sayanglah sembahyang dan jangan ia dicuaikan. Mencuaikan sembahyang bermakna menolak rahmat, sedang rahmat itu amatlah mahalnya, sehingga tiada sebarang angka yang dapat menganggarkannya.

Pastikan dalam tiap-tiap rumah tangga kita, semua orang adalah sembahyang : ibu bapa

sembahyang, suami isteri sembahyang, anak-anak sembahyang, sampailah kepada pembantu-pembantu kita pun, semuanya sembahyang. Jangan ada, walaupun seorang pun dari anggota keluarga yang tidak sembahyang.

Menyebut tentang 'keluarga' ini, kita baru-baru ini telah pun menyambut 'Hari Keluarga'. Tetapi sedikit pelik, semua acara, tidak adupun yang mengimbas, berkaitan dengan ibadat satu-satu keluarga, misalnya bagaimana sesebuah keluarga itu dilihat sedang sembahyang berjemaah di rumah atau di masjid, melainkan semuanya hanya bercorak hiburan dan permainan semata-mata.

Apakah ini memang *calak* bagi tiap-tiap keluarga di Brunei? Beta rasa bukanlah begitu. Tetapi kelemahan kita, kita mungkin saja kurang peka dengan perkara-perkara besar, sebaliknya telah terbiasa untuk memilih jalan mudah suka berseronon.

Untuk ini, beta ingin mengingkatkan, supaya kita lebih serius dalam apa jua perkara yang menyngut dengan kehidupan beragama, bernegara dan berkeluarga.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1433 Hijrah / 2012 Masih bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa pada Hari Ahad 27 Rejab 1433 bersamaan 17 Jun 2012.

Dari Sidang Pengarang.

18 JUN 2012 BERSAMAAN 1433 رجب 28

KUKUH NEGARA KERANA AGAMA

SUNGGUH bertuah Negara Brunei Darussalam mempunyai seorang pemimpin negara yang sentiasa menitikberatkan nilai-nilai agama dalam apa jua acara yang diadakan di negara ini. Kesungguhan baginda dalam menegakkan syiar Islam di negara ini begitu terserlah bukan sahaja dengan percakapan bahkan juga dengan tindakan pelaksanaannya. Teguran yang dibuat oleh baginda seolah-olah satu peringatan bahawa dalam apa jua keadaan, tiang agama yang kukuh adalah segala-galanya dan tiang agama tersebut adalah sembahyang lima waktu.

Tidak dinafikan agama Islam yang kukuh di negara ini memainkan peranan yang penting bukan sahaja dalam kestabilan politik bahkan juga kesejahteraan rakyatnya. Semua ini terbukti kerana selaku rakyat di negara bertuah ini, kitani dapat mengharungi kehidupan dengan penuh keyakinan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah dalam Sambutan Israk dan Mikraj mengenai kepentingan sembahyang bagi setiap anggota keluarga Islam di negara ini kerana dengan sembahyang kitani mampu menghadapi sebarang kekejadian dan kemungkar. Dengan tema 'Sembahyang Penolak Mungkar', kitani tidak meragui bahawa tema ini membawa makna yang tersendiri dalam setiap jiwa umat Islam. Sembahyang mampu menjadi 'ubat' segala kemungkar yang dilakukan dan kerana itulah Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyarankan supaya jangan dicuaikan sembahyang kerana mencuaikan sembahyang bermakna menolak rahmat sedangkan rahmat itu tidak ternilai harganya.

Kitani sedar dalam menghadapi arus globalisasi, ketahanan iman yang jitu perlu ada pada setiap orang Islam supaya segala pegangan dan keimanan kitani tidak akan goyah walau sekulit. Dalam hal ini, sembahyang adalah jawapannya supaya dapat menjadi pemangkin aspirasi yang lebih bermakna untuk kitani mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dan menanah Negara Zikir.

Landasan negara kitani dibina di atas kekuahan beragama dan selaku warga Brunei, kitani hendaklah menjawai dan mentaati ajaran Islam demi kelangsungan segala yang kita nikmati selama ini. Umat Islam disarankan supaya bersatu padu, di samping sentiasa menuaikan kewajipan kitani kepada Allah Subhanahu Wata'ala, negara, masyarakat dan juga keluarga. Kitani perlu serius dalam apa jua perkara yang bersangkutan dengan kehidupan bernegara, beragama dan berkeluarga.

Dalam hal ini, teguran Kebawah DYMM perlu dijadikan sukat-sukat kitani apabila mengadakan aktiviti pada masa akan datang. Jadikan teguran baginda sebagai suatu nasihat berguna yang akan kitani pegang dan semai dalam minda untuk menjadikan kitani lebih peka dengan tuntutan agama Islam. Cetusan aspirasi, cita-cita dan hasrat baginda dalam menegakkan tiang agama dalam setiap pelaksanaan aktiviti supaya sentiasa mendapat keberkatan dunia dan ukhravi yang juga sebagai penyuntik keimanan kitani.

Titah baginda ini hendaklah dijunjung sebagai matlamat dalam segala yang kita laksanakan, sebagai peta jalan, haluan, ketetapan dan kesungguhan untuk negara kitani yang perlu diambil berat agar segala yang dihasilkan akan tercapai. Perlu kitani fahami bahawa apa yang ditegur ini adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat dan penduduk negara ini jua. - Pengarang.

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omar Ali,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamur,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Hajah Rosidah Haji Ismail

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanish Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Noorali,
Majdiah Hazirah Awang Lamit,
Siti Nadieya Haji Rahime

Penyuntingan


Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal
Bolhassan Haji Abu Bakar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Mohammad Ike Igrami Haji Suahimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Muhd. Zaidani Haji Zinin,
Mohammad Izzuddin Jeffree,
Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin



AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Peserta APT-JSO terima hadiah dan sijil

TUNGKU, Sabtu, 16 Jun. - APT-JSO telah memainkan peranan penting dalam menyumbang ke arah perjalanan pembelajaran para peserta.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail berkata sebagai tunas saintis, para pelajar akan mendapat inspirasi untuk melanjutkan keinginan mereka, memupuk semangat ke tahap yang lebih tinggi dan akhirnya komited kepada kerjaya sepanjang hayat dalam bidang sains dan teknologi.

Semasa berucap selaku tetamu kehormat dalam Majlis Penutup Rasmii dan Penyampaian Hadiah kepada para peserta ASEAN Plus Three Junior Science Odyssey 2012 (APT-JSO) yang telah bermula sejak 10 Jun lalu, Timbalan Menteri Pendidikan berharap, para peserta termasuk guru-guru akan dapat mencontohi pandangan positif tersebut dan seterusnya menjadi lebih bersemangat dan bekerja sepenuh hati untuk memperkasa diri masing-masing demi mengejar

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

dan meneroka kepelbagaiannya yang ada dalam bidang yang diminati.

Dengan adanya kesungguhan, komitmen dan semangat akan dapat membawa kepada peluang yang luas bagi saintis akan datang yang mana akan menjadi pemacu ke arah inovasi dan kemampaman di negara masing-masing," ujarnya pada majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah, The Core Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Sementara itu, peserta yang menunjukkan prestasi yang baik dalam kemahiran penyelidikan makmal juga diberikan medal setiap seorang. Acara yang julung kalinya diadakan itu berlangsung selama lapan hari dan disertai oleh pelajar-pelajar berumur antara 13 hingga 15 tahun di lokasi-lokasi berasingan di negara ini termasuk Fakulti Sains, UBD serta Hutan Simpan Andulau dan Bukit Sawat Daerah Belait.

Para peserta yang menyertai mewakili dari Negara-negara ASEAN+3 termasuk Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Rakyat China, Republik Filipina, Republik Korea, Republik Singapura, Thailand, Viet Nam dan Sweden sebagai negara pemerhati.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail menyampaikan hadiah serta sijil kepada peserta terbaik ASEAN Plus Three Junior Science Odyssey 2012. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Di bawah tema 'Sains dan Kedinamikan Hutan Hujan Tropika', para peserta menjalankan beberapa siri eksperimen melalui projek-projek lapangan dan penilaian di lokasi-lokasi berkenaan termasuk menjalankan penyelidikan makmal di Fakulti Sains.

Antara tugas-tugas yang dilaksanakan termasuk mempelajari kekayaan pelbagai flora dan fauna di Hutan Hujan Tropika asli di negara ini, mengenali spesies burung serta

mempelajari pelbagai spesies ikan di ekosistem akuatik negara ini yang mana hasil daripada dapatan yang diperolehi di sepanjang kursus tersebut kemudiannya disampaikan kepada para tenaga pengajar.

Sementara itu, para guru yang mengiringi pelajar-pelajar dan wakil-wakil negara juga mengadakan bengkel dan menyampaikan poster yang memperlihatkan perkembangan pelajar berbakat dan

pendidikan sains di negara masing-masing.

Antara objektif APT-JSO adalah bagi memberikan galakkan dan cabaran kepada pelajar-pelajar sains yang berbakat untuk cemerlang dalam bidang Sains dan Teknologi, di samping menyediakan para pelajar dengan peluang untuk memupuk persahabatan dan rangkaian dalam kalangan rantaun ASEAN Campur Tiga (ASEAN+3).

Laksanakan tugas dengan penuh komitmen, amanah



PENERIMA Anugerah Bilal Cemerlang, Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Mudim Haji Metassim bin Haji Metussin.

PENERIMA Anugerah Imam Cemerlang, Imam Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien Kampung Katimahar, Awang Haji Hassan bin Haji Taha.

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Imam dan Bilal Cemerlang sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj peringkat negara bagi tahun 1433 Hijrah di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Penerima Anugerah Imam Cemerlang, Awang Haji Hassan bin Haji Taha semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI melahirkan

perasaan syukur ke hadrat Ilahi dan menjunjung kasih di atas penganugerahan tersebut, di samping berterima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) kerana memberikan kepercayaan kepadanya.

Beliau yang merupakan Imam Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kampung Katimahar itu berkata, dalam sama-sama menjaga imej, seorang imam itu harus memberikan fokus kepada amanah yang diberikan kepadanya, di samping bekerjasama dengan para jemaah dan orang ramai selain mengelingi apa juga kemuskilan, suka duka orang ramai.

Tambahnya tugas sebagai imam ini merupakan tugas amanah Allah dan juga amanah dari JHEM yang wajib dijaga dengan sebaiknya.

Dalam hubungan ini, beliau menyeru para pegawai masjid supaya memberikan komitmen kepada tugas harian dan saranan JHEM, di samping menepati kehadiran waktu bertugas dan mengelakkkan diri lambat datang.

Awang Haji Hassan yang mencurah khidmat baktinya selama 14 tahun di JHEM bermula tahun 1998 hingga sekarang sebelumnya merupakan seorang guru agama.

Beliau dikenali sebagai peramah, bersifat tawaduk, berkeperibadian tinggi, berakhhlak mulia dan berilmu pengetahuan, di samping digalati oleh masyarakat serta komited, bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas asasi selain melibatkan diri dalam mengelingi hal ehwal suka duka masyarakat.

Selain cemerlang sebagai imam beliau juga sanggup *bebaskan bekaring* dalam pengurusan bangunan masjid khususnya dalam pemeliharaan kebersihan dan kecantikan masjid atau program 3K iaitu kesihatan, kebersihan dan keindahan.

Pada masa yang sama, beliau juga merupakan penggerak utama kepada ahli jawatankuasa takmir masjid berkenaan sehingga mereka berjaya menerbitkan *journal* masjid mereka sendiri untuk dijadikan sebagai bahan bacaan dan ristaan umum, di samping memainkan peranan aktif sebagai imam mu'alim dengan menyampaikan kuliah dalam fiqh, pembelajaran ilmu tajwid, menghalusi bacaan Al-Qur'an dan kaedah perubatan dalam Islam.

Sementara itu penerima Anugerah Bilal Cemerlang, Mudim Haji Metassim bin Haji Metussin, Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara juga bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih di atas penganugerahan tersebut.

Beliau menasihatkan kepada para bilal supaya akan dapat meneruskan usaha dan sentiasa memberikan komitmen pada apa yang diarahkan oleh

JHEM, di samping melaksanakan aktiviti yang patut dan bermanfaat kepada masyarakat.

"Saya berazam akan meneruskan lagi cabaran-cabaran yang ada dan jika disuruh untuk memberikan kursus dan seminar saya akan tampil," ujarnya yang berkhidmat dengan JHEM selama 24 tahun sejak 1987.

Beliau merupakan seorang pegawai masjid yang peramah, bersifat rendah diri, berkeperibadian tinggi, berakhhlak mulia, berilmu pengetahuan, dihormati masyarakat serta komited dalam melaksanakan tugas asas serta melibatkan diri dalam memeduli hal ehwal masyarakat.

Dalam pada itu, beliau juga seorang yang memiliki pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam bidang pembacaan Al-Qur'an serta mencapai beberapa kecemerlangan di dalam pertandingan membaca Al-Qur'an di dalam dan luar negara.

Dengan pengetahuan dalam pembacaan Al-Qur'an itu beliau manfaatkannya dalam memberi tunjuk ajar kepada para jemaah dan orang ramai sehingga berjaya mengasaskan penubuhan kelas bimbingan Al-Qur'an dewasa 'Aflalah Mukminun dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam.

Dengan keistimewaan memiliki suara yang merdu beliau telah dipilih untuk melaungkan azan semasa majlis hari kebesaran Islam di samping membuat rakaman azan sebagai menandakan masuknya waktu sembahyang fardhu di radio atau televisyen, di samping melaungkan azan sewaktu pemergian jemaah haji Negara Brunei Darussalam di tanah suci.

Antara pencapaian cemerlang yang pernah beliau capai termasuk mewakili negara ke pertandingan membaca Al-Qur'an di Mekah pada tahun 1991 selain menyertai pertandingan membaca Al-Qur'an ASEAN di Thailand setahun kemudian dan memenangi tempat ketiga pada pertandingan membaca Al-Qur'an peringkat dewasa kebangsaan pada 2002.

Forum Kesihatan Global

Pertemukan profesional berbagai disiplin



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa merasmikan forum tersebut. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

TUNGKU, Khamis, 14 Jun. - Forum Antarabangsa Untuk Kesihatan Global bertemakan 'Cabaran Semasa dan

Masa Depan Dalam Kesihatan' diharap akan menyediakan *platform* untuk membawa bersama profesional

Oleh : Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Nooratini Haji Abas

terkemuka dari pelbagai disiplin bidang kesihatan global untuk berkongsi pengetahuan, belajar dan kemungkinan mewujudkan penyelidikan di Negara Brunei Darussalam.

Dekan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin menyatakan perkara itu semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada forum tersebut di Dewan Kuliah 1, Bangunan IBM/UBD, di sini.

Dr. Hajah Maslina selaku Pengerusi Forum juga berharap agar forum tersebut dapat memberikan pengetahuan dan bermanfaat kepada para pelajar dan kakitangan berkenaan dalam menjalankan tugas mereka.

Menyentuh forum tiga hari bermula 14 hingga 16 Jun itu, beliau menjelaskan, para penceramah didatangkan dari seluruh pelusuk dunia antaranya dari Amerika Syarikat,

Menyentuh forum tiga hari bermula 14 hingga 16 Jun itu, beliau menjelaskan, para penceramah didatangkan dari seluruh pelusuk dunia antaranya dari Amerika Syarikat,

United Kingdom, Australia, Arab Saudi, Hong Kong, Taiwan, Thailand, Filipina dan Negara Brunei Darussalam.

Beliau menjelaskan, sub-tema utama dalam forum itu pula terbahagi kepada empat iaitu masyarakat, ekonomi, dasar dan kesihatan; teknologi dan kesihatan; alam sekitar dan kesihatan; dan kesihatan global dan pendidikan perubatan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan Forum Antarabangsa tersebut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Mansor.

Forum itu juga mendengar ucaptama Ketua Kumpulan, Sumber Manusia Untuk Kesihatan, Pertubuhan

Kesihatan Sedunia (WPRO), Manila, Dr. Gulin Gedik.

Dalam ucaptamanya beliau antara lain menyentuh mengenai cabaran global kesihatan, di samping agenda kesihatan global sekitar 1990-an.

Dr. Gulin Gedik juga menghuraikan mengenai dana yang tidak mencukupi dalam kalangan negara berpendapatan sederhana.

Ini tambahnya kerana kemajuan teknologi dalam bidang perubatan dan diagnostik selain kemajuan teknikal yang memerlukan kos lebih tinggi di samping jangka hayat yang meningkat dan bertambahnya penyakit tidak berjangkit.

Forum tersebut berfungsi sebagai *platform* bukan semata-mata untuk sektor kesihatan tetapi juga kepada pihak yang berkepentingan daripada sektor bukan kesihatan dalam bersama-sama menangani isu-isu penting tersebut.

Forum tersebut dihadiri oleh para pensyarah dalam dan luar negara, pelajar institusi-institusi tinggi serta pegawai kerajaan.

Gotong-royong bersihkan kawasan rumah warga emas

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Jumaat, 15 Jun. - Kerja-kerja gotong-royong merupakan budaya yang perlu dipelihara dan dipertahankan agar ianya tidak hancur ditelan perubahan zaman dan cabaran arus kehidupan moden ketika ini.

Oleh itu inisiatif yang dibuat oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belais dan Buda-Buda untuk mengadakan kerja gotong-royong membersihkan kawasan rumah warga emas di kampung berkenaan adalah sangat dialu-alukan.

Kejayaan kerja gotong-royong bersihkan kawasan rumah Dayang Hajah Sinanta binti Bangok itu disertai oleh ahli-ahli sukarelawan pasukan Bomba dan Penyelamat dan ahli-ahli MPK Belais dan Buda-Buda serta para penduduk kampung termasuklah belia-belia dan beliawanis serta ahli-ahli biro wanita kampung berkenaan.

Dayang Hajah Sinanta berusia lebih



MAJLIS Perundingan Kampung (MPK) Belais dan Buda-Buda mengadakan kerja gotong-royong membersihkan kawasan rumah warga emas, Dayang Hajah Sinanta binti Bangok.

80 tahun tinggal bersama adiknya yang juga dari golongan warga emas, Dayang Hajah Saripah binti Haji Bangok.

Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, Awang Haji Ahmad bin Haji Husain ketika ditemui menyata-

kan kepada para penduduk kampung agar akan dapat saling bekerjasama dalam memeduli kebaikan warga emas di kampung berkenaan.

Menyentuh mengenai kerja gotong-royong yang diadakan ini,



SEBILANGAN ahli-ahli sukarelawan menebang pokok-pokok, membakar sampah sarap dan sebagainya.

beliau menjelaskan selain membersihkan kawasan rumah, kerja-kerja gotong-royong juga termasuklah menebang pokok-pokok kerana bimbang ianya akan tumbang ke rumah warga emas tersebut, membakar sampah sarap dan sebagainya.

Dengan adanya aktiviti kemasyarakatan seumpamanya diharap akan dapat menyatupadukan warga kampung di samping menyemai sikap bekerjasama dan memupuk rasa tanggungjawab dalam setiap warga kampung itu sendiri.

Mangsa kebakaran terima bantuan rumah baru

Oleh : Khartini Hamir

MUKIM MENTIRI, Jumaat, 15 Jun. - Mereka yang ditimpah musibah di negara ini sentiasa mendapat perhatian dengan diberikan bantuan yang sewajarnya bagi meringankan beban dan keserasian yang mereka hadapi.

Sehubungan dengan itu telah diadakan satu Majlis Mendirikan Tiang Seri Rumah Baru bagi keluarga mangsa kebakaran yang berlaku pada 8 Februari 2012 yang lalu, Dayang Janah binti Yusof, 68, bertempat di No. 915, Kampung Tanah Jambu, di sini.

Berikut dengan kejadian tersebut beliau bersama adik, adik ipar dan anak saudara beliau tinggal berlindung di rumah sementara yang dibina dan didermakan oleh penduduk kampung berdekatan di kawasan kebakaran tersebut.

Pengurus Syarikat Makmor jaya, William Ngui Poh Fook, telah berkesudian dan bermurah hati dalam sama-sama berganding bahu memberikan bantuan serta meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa sekeluarga dengan membina semula rumah mangsa melalui penyelarasan Jabatan Daerah Brunei dan Muara

(JDBM).

Rumah baru yang dibina untuk Dayang Janah bertempat di kawasan tapak yang sedia ada dibina semula dengan anggaran kos berjumlah BND30,000.

Rumah bantuan jenis banglo itu nanti akan dibina di tapak yang berukuran 13,400 meter X 6,500 meter yang mana ianya akan mempunyai tiga bilik tidur, sebuah ruang tamu, sebuah ruang dapur, bilik mandi dan tandas.

Hadir di majlis tersebut, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Jamain bin Momin; Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ghafor@Haji Mohamad Daud bin Karim, yang juga Ketua Kampung Belimbang; Ketua Kampung Mentiri dan Kampung Tanah Jambu, Awang Haji Bujang bin Sabtu serta beberapa pegawai dan kakitangan JDBM.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Jamain bin Momin semasa menyempurnakan Majlis Mendirikan Tiang Rumah Baru bagi Dayang Janah binti Yusof. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tembakau adakan mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Jun. - Bagi melaksanakan penguatkuasaan Perintah Kawalan Tembakau 2005 serta pindaan-pindaannya satu Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tembakau (JKKT) telah ditubuhkan sebagaimana limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 9 Mei 2009.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga memperkenankan Pelantikan Keahlian Baru Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tembakau yang dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan dari Kementerian Kesihatan

Mohd. Yusof.

Jawatankuasa berkenaan telah mengadakan Mesyuarat JKKT bagi membincangkan langkah-langkah penguatkuasaan Perintah Kawalan Tembakau 2005 yang dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan pada mesyuarat yang berlangsung di Kementerian Kesihatan, di sini.

Antara Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan tersebut terdiri dari Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Setiausaha Tetap daripada beberapa buah kementerian yang berkaitan, Pegawai-

pegawai Kanan Kerajaan, di samping perwakilan-perwakilan daripada agensi-agensi tertentu.

Dengan adanya mesyuarat-mesyuarat seperti ini dapat meningkatkan kerjasama antara semua pihak-pihak yang berkepentingan yang terlibat dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang faktor risiko bahaya merokok kepada kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini dan juga pencemaran persekitaran yang memudaratkan kesihatan awam.

Sejak ianya ditubuhkan, JKKT telah mencapai beberapa kesepakatan dan kerjasama, seperti kenaikan cukai tembakau dan harga rokok

yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi bermula pada bulan November 2010; dan Pelaksanaan penguat-

kuasaan Perintah Tembakau 2005 secara aktif sejak bulan Mei 2012 dengan rondaan-rondaan dan denda kompaun yang dikenakan kepada mereka yang didapati melakukan

kesalahan di bawah perintah berkenaan, di samping itu juga operasi bersepada bersama-sama dengan agensi-agensi tertentu juga dilaksanakan dari semasa ke semasa.



MENTERI Kesihatan, Yang berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan Bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof mempengerusikan Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tembakau.

LESTARI berikan pengetahuan, kemahiran kepada belia

TUNGKU, Khamis, 14 Jun. - Timbalan Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman berkata, mengikut laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai AIDS (UN-AIDS) pada tahun 2010, generasi muda masih kurang pengetahuan dan kemahiran (*skills*) dalam mengurangkan risiko mereka dari dijangkiti virus HIV.

Beliau menyatakan perkara itu, semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Life Skills Training (LESTARI) anjuran Majlis AIDS Brunei Darussalam, di Dewan Asrama Perempuan UBD, di sini.

Menurutnya, beliau difahamkan daripada Majlis AIDS bahawa sehingga tahun ini 2010, sebanyak 57 kes STI dilaporkan dalam kalangan remaja, lima daripadanya berusia di bawah umur 15 tahun.

Manakala dari tahun 2004 hingga 2009 jelasnya, sebanyak 2,329 kehamilan remaja telah dilaporkan dan angka tersebut memang membimbangkan.

"Manakala yang terbaru sehingga Disember 2011, sebanyak 70 kes pengidap HIV telah pun dilaporkan, yang mana 23 orang daripadanya telah pun meninggal dunia," jelasnya.

Beliau menekankan agar mahasiswa dan mahasiswi mempunyai jati diri dan keyakinan diri yang kukuh dalam menghadapi kehidupan di universiti selain kepentingan akademik perlu digalakkan untuk membina sahsiah diri dari segi jasmi mahupun rohani melalui program-

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

program seperti UBD Life Skills Training ini.

Majlis AIDS Brunei Darussalam menganjurkan Life Skills Training Kali Ke-10 (LESTARI) bagi mahasiswa dan mahasiswi UBD bermula pada 11 hingga 14 Jun 2012.

Program ini menggabungkan aktiviti luar dan dalam yang mencabar dari segi fizikal, mental dan keupayaan peserta.

Para graduan LESTARI menamakan kumpulan mereka 'Lutanan 34', nombor 34 menandakan jumlah graduan dan lutanan adalah perkataan Melayu Brunei yang bererti bekerja keras dan melakukan setiap pekerjaan dengan berhati-hati.

Sementara itu, LESTARI adalah kombinasi pelbagai latihan yang diperolehi dari

dalam dan luar negeri dan diadaptasi mengikut persekitaran dan suasana yang menyesuaikan dengan persekitaran tempatan Negara Brunei Darussalam dalam metodologi dengan menggunakan muzik, cerita, audio dan visual, interaktif dan permainan.

Program ini juga menekankan kepada kemahiran hidup dan nilai-nilai yang diterapkan kepada graduan.

Antara objektif utama program ini adalah untuk mendidik peserta dengan kemahiran hidup dalam persekitaran yang interaktif dan mesra belia, selain untuk menggembungkan belia mengambil tanggungjawab untuk diri, keluarga, rakan-rakan dan masyarakat.



TIMBALAN Naib Canselor UBD, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman menyampaikan sijil kepada seorang peserta LESTARI yang menamatkan kursus.

Sistem tidak cekap antara punca kemalangan di tempat kerja

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Jun. - Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP), Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Jaafar berkata, walaupun segala prosedur keselamatan di tempat kerja telah dipatuhi namun kemalangan boleh saja terjadi.

Ini katanya, mungkin disebabkan kesilapan, kecuaian atau sistem pengurusan yang tidak cekap malah mungkin juga berpunca daripada segala prosedur yang belum terkini, peralatan yang salah atau di sebabkan oleh *human error*.

Beliau menekankan perkara itu semasa berucap pada Sesi Taklimat Aspek Keselamatan Tempat Kerja anjuran Kementerian Pembangunan dengan kerjasama BSP di Dewan Indera Pahlawan, Pusat Ujian Kemahiran dan Latihan, Kementerian Pembangunan, di sini.

Sementara itu, Penceramah Motivasi, Ken Woodward salah seorang mangsa kemalangan di tempat kerja yang kehilangan penglihatan disebabkan percikan bahan kimikal diundang menyampaikan taklimat.

Menurutnya, kemalangan atau kecederaan di tempat kerja boleh dielak jika semua pihak termasuk individu, pihak pengurusan dan

mereka yang berkenaan tahu dan faham akan peranan, tugas dan tanggungjawab masing-masing mengenai keselamatan.

Jelasnya, bagi mengekalkan keselamatan di tempat kerja, sistem dan persekitaran juga memainkan peranan penting namun alat-alat keselamatan jangan sekali-kali diabaikan kerana kemalangan dan kecederaan boleh saja belaku di mana-mana atau bila-bila saja.

Keselamatan di tempat kerja adalah tanggungjawab individu dan semua pihak termasuk pengurusan sesebuah jabatan atau syarikat malah ia bukan dilihat sebagai perkara yang mudah.

Sesi taklimat itu dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny selaku tetamu kehormat.

Juga hadir, Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Marzuque bin Haji Mohsin serta pegawai-pegawai kanan dari kementerian tersebut.

Taklimat tersebut antara lain bertujuan bagi mempelajari daripada pengalaman mangsa kejadian kemalangan di tempat kerja sebagai kesedaran bagi pegawai dan kakitangan di kementerian tersebut akan kepentingan hal ehwal keselamatan di tempat kerja.



KEN Woodward menyampaikan ceramah motivasi mengenai keselamatan semasa menjalankan tugas. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Pelatih PKBN diraikan di Majlis Khatam Al-Qur'an



MENTERI Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyempurnakan acara menabur bunga rampai dan menyampaikan sijil penyertaan serta sijil penghargaan kepada para pelatih lelaki. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Jun. - Para pelatih Projek Rintis Kedua, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang telah menamatkan sesi pembelajaran agama dalam pengajian Al-Qur'an diraikan di Majlis Khatam Al-Qur'an.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di sini ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Majlis Khatam bagi 94 orang pelatih ini dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat dan diteruskan dengan Khatam Al-Qur'an beramai-ramai oleh 66 pelatih lelaki dan 28 pelatih perempuan.

Ianya merupakan salah satu usaha murni yang diungkayahkan oleh KKBS dalam menyerapkan kesedaran kepada para pelatih akan kepentingan agama dan Al-Qur'an dalam cara hidup sehari-hari mereka seperti dalam Riwayat Imam Al-Bukhari yang berbunyi "Sebaik-baik di antara kamu adalah yang mempelajari Al-Qur'an dan yang mengajarkannya."

Di samping itu, ianya juga bagi melaksanakan Dasar Belia

Brunei yang cemerlang dengan hala tuju Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah 'Negara Zikir' yang bertujuan untuk memantapkan kerohanian para pelatih melalui kegiatan agama dan juga bagi memupuk jiwa para pelatih supaya lebih dekat kepada Al-Qur'an dan sunnah bagi membimbing mereka ke jalan yang diredaya.

Kegiatan ini adalah sebahagian daripada kandungan Kurikulum Jati Diri, Kenegaraan dan Keagamaan dalam PKBN.

Bacaan takhtim dan Dikir Syarafil Anam dibacakan oleh para pelatih dan doa khatam telah dibaca oleh pelatih lelaki, 1025 Mohammad Marzuqy bin Sabtu.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan disertai Setiausaha Tetap di kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar kemudian menabur bunga rampai dan seterusnya menyampaikan bunga telur dan sijil penyertaan serta sijil penghargaan kepada para pelatih lelaki.

Manakala Pegawai Tugas-Tugas Khas kementerian tersebut, Datin Hajah Shireen binti Haji Mustapha menyampaikan bunga telur dan sijil penyertaan serta sijil penghargaan kepada pelatih perempuan.

Sempena majlis itu, Yang Berhormat juga menyertai sesi bergambar ramai bersama para pelatih yang diraikan.

Juga hadir Pemangku Setiausaha Tetap, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim.



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu menabur bunga rampai kepada rekrut-rekrut yang menyertai Majlis Dikir tersebut. - Foto : Hernie Suliana Othman.

Kenal pasti pelbagai prinsip perundangan Islam



ANTARA peserta yang hadir pada seminar tersebut. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Oleh : Aimi Saini

JERUDONG, Rabu, 13 Jun. - Seramai 12 pegawai dari jabatan-jabatan kerajaan menyertai Program Latihan Eksekutif Pengadaptasian Prinsip-prinsip Perundangan Islam ke dalam Undang-undang Komersial Islam bertempat di Indera Samudera Grand Ballroom, The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Kursus tiga hari itu dikendalikan oleh Crescent Sendirian Berhad itu bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai latar belakang teori Usul al-Fiqh, al-Qawa'id al-Kulliyah al-Fiqhiyyah, Maqasid Shar'iyyah, Siyisah Shar'iyyah yang berkaitan dengan Fiqh al-Mu'amalat serta mengulas lanjut mengenai

permohonan alat perundangan dalam konteks Kewangan Islam moden.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengkontekstualisasikan sejarah perkembangan fiqh dan mengenal pasti pelbagai prinsip perundangan Islam yang dibangunkan sepanjang abad-abad oleh para fuqaha Islam.

Kursus tersebut diharap akan dapat meningkatkan kefahaman para peserta mengenai permohonan maksima undang-undang utama yang digunakan untuk membangunkan Fiqh al-Mu'amalat serta cekap mengenal pasti prinsip yang mendukung matlamat yang lebih tinggi (*magasid*) syariah dan kewangan Islam moden, di samping menghargai peranan kerajaan Islam dalam menggubal undang-undang dan dasar yang berkaitan kewangan Islam.

Pasukan Dikir Mukim Burong Pingai Ayer johan Dikir Syarafil Anam

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Jun. - Pasukan Dikir Mukim Burong Pingai Ayer muncul sebagai johan Pertandingan Dikir Syarafil Anam Antara Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung Kategori Lelaki Peringkat Daerah Brunei dan Muara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-66 Tahun selepas memperolehi mata tertinggi sebanyak 93.5 peratus.

Tempat kedua dengan memperolehi mata 92.5 dimenangi oleh pasukan Dikir Mukim Serasa dan diikuti tempat ketiga oleh pasukan Dikir Al-Musawir mewakili Mukim Sengkurong dengan memperolehi mata 90 peratus.

Johan dalam pertandingan ini dijangka akan mewakili Daerah Brunei dan Muara bersama Pasukan Dikir dari Majlis Perundingan Mukim Berkas 'A' selaku pihak pengajur ke Pertandingan Peringkat Akhir Kebangsaan Dikir Syarafil Anam Antara Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-66 Bagi Tahun 1433 Hijriah bersamaan 2012 Masihi.

Hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Jamain bin Momin selaku tetamu kehormat majlis.

Pertandingan yang diadakan ini merupakan salah satu acara keagamaan yang mengambil tempat dalam kalender aktiviti sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-66 Bagi Tahun 1433 Hijriah bersamaan 2012 Masihi.

Pertandingan dianjurkan bersama oleh Majlis Perundingan Mukim Berkas 'A' dan Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Kejohanan disertai oleh sembilan buah pasukan yang mewakili Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung berlangsung di Dewan Muhibah, Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Berkas di sini.

Antara yang hadir sama di pertandingan ini ialah Penghulu Mukim Berkas 'A', Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain beserta penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di daerah ini.

Sejarah sinonim dengan pembangunan tamadun bangsa

Oleh : Aryenty Haji Ariffin

TUTONG, Khamis, 14 Jun. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menjelaskan ungkapan-ungkapan yang sering kita dengar ialah 'Sejarah adalah guru yang terbaik bagi pembangunan bangsa' dan 'Manusia belajar daripada sejarah'.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berucap pada Majlis Perasmian Karnival Sejarah 2012 'Sayang Brunei' bagi Daerah Tutong anjuran Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Pejabat Daerah Tutong yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Kemasyarakatan, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan daripada ungkapan-ungkapan tersebut adalah jelas kepada kita bahawa sejarah adalah sinonim dengan pengajaran terutama sekali dalam konteks pembangunan tamadun bangsa, masyarakat perlu merujuk dan mempelajari daripada perjalanan serta liku-liku sejarah negara dan bangsa.

Yang Berhormat menambah, kefahaman masyarakat dan generasi muda ke atas sejarah bangsa dan negara adalah merupakan asas yang sangat penting pada mengukuhkan penghayatan kepada konsep Melayu Islam Beraja yang mana sejarah memberikan panduan dan iktibar kepada generasi sekarang dan yang akan datang untuk mencapai kejayaan yang lebih bermakna kerana sejarah juga mengajar kita untuk menghindarkan kesilapan.

Di samping itu, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai sejarah negara dan bangsa yang perlu dimasyarakatkan dan dihidupkan kepada khalayak khususnya generasi muda di negara ini kerana melalui sejarah generasi muda dapat menanamkan kefahaman mengenai nilai-nilai murni bangsa seperti kehidupan beragama, bertata susila, adat budaya, cintakan kepada raja dan pemimpin yang menjana kepada semangat kecintaan kepada bangsa, agama, raja dan negara.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, melalui sejarah masyarakat khususnya generasi belia dapat memahami dan menterjemahkan dalam mana kejadian yang silam adalah punca kepada pembangunan dan kemajuan yang dikehendaki sekarang dan mempengaruhi kepada perubahan pada masa yang akan datang.

Menyentuh mengenai Karnival Sejarah yang diadakan itu, jelas Yang Berhormat ianya perlu diadakan secara berterusan dan dilakukan ke sekolah-sekolah dan kampung-kampung di seluruh negara dan pendekatan yang digunakan untuk mengisi karnival juga perlu dicari supaya bersifat lebih kreatif, inovatif dan proaktif bagi memudahkan ia menyerapi minda setiap lapisan masyarakat di negara ini seperti yang diharatkan untuk melihat warga Negara Brunei Darussalam ini celek sejarah bangsa dan negara.

Hasil pameran yang diadakan di karnival tersebut kata Yang Berhormat, diharatkan akan dapat menyuntik masyarakat memahami sejarah dan budaya bangsa Brunei.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat, pameran dan kegiatan karnival yang diusahakan dapat memupuk dan melahirkan semangat patriotisme serta mengukuhkan ketaksetiaan kepada raja, agama, bangsa dan negara.

Karnival Sejarah beri pendedahan kepada generasi muda



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah melawat pondok-pondok pameran.

TUTONG, Khamis, 14 Jun. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Pejabat Daerah Tutong menganjurkan Karnival Sejarah Bagi Tahun 2012 bertemakan 'Sayang Brunei' di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Kemasyarakatan, Tutong, di sini.

Karnival tersebut bertujuan mendukung falsafah Melayu Islam Beraja melalui pembelajaran sejarah dalam kalangan generasi muda supaya mereka mempunyai semangat patriotik dan jati diri, di samping menanamkan minat penuntut sekolah tentang kepentingan sejarah kepada pembangunan negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelancaran karnival berkeraian ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Juga hadir, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengetua Pusat Sejarah, pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan.

Sementara itu, Timbalan Pengetua PSB, Awang Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman yang juga selaku Pengurus Majlis

dalam kata alu-aluannya menyatakan, Negara Brunei Darussalam amat kaya dengan sejarah dan budayanya sendiri yang perlu diketengahkan kepada generasi muda pada masa kini.

